

Penarafan universiti dunia, autonomi lonjak pendidikan

Kerajaan komited tingkat status negara sebagai hab pengajian tinggi

Jangan takut kepada perubahan, kita mungkin kehilangan sesuatu yang baik, namun kita akan peroleh sesuatu yang lebih baik. Kata-kata itu menggambarkan mengenai cabaran yang mewarnai sektor pendidikan tinggi negara sepanjang tahun ini yang sudah pasti menjadi penyumbang kepada usaha menjadikan negara sebagai hab pendidikan serantau.

Antara perubahan signifikan dalam sektor pendidikan tinggi ialah pengasingan semula Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan, dalam rombakan Kabinet, Julai lalu, sebagai bukti dan komitmen tinggi kerajaan dalam memberi tumpuan kepada usaha melonjakkan sektor pendidikan tinggi negara.

Ramai yang memuji langkah pengasingan itu, namun tidak kurang juga yang melihatnya sebagai langkah terkebelakang biarpun sebenarnya ia menjadikan sektor pendidikan tinggi negara ditadbir dengan lebih berfokus.

Datuk Seri Idris Jusoh terus diberi kepercayaan menerajui KPT sebagai Menteri Pendidikan Tinggi selepas bertindak sebagai Menteri Pendidikan II dalam Kementerian Pendidikan sebelum ini dan Datuk Mary Yap Kain Ching yang mempunyai pengalaman luas dalam dunia pendidikan, sebagai timbalannya.

IPT lebih berdaya saing, lahir graduan holistik

Dengan semangat *Soaring Upwards* yang diperkenalkan Idris dalam kepeimpinannya, KPT terus memperkasa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) yang dilancarkan April lalu. Pelan itu bukan sahaja untuk memperkasakan ekosistem dalam sektor pendidikan tinggi, malah bagi menjadikan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan lebih berdaya saing dan melahirkan graduan holistik berdasarkan 10 lonjakannya.

Buku panduan untuk kemudahan semua universiti awam (UA) melaksanakan transformasi masing-masing turut diperkenalkan tahun ini selari dengan PPPM (PT) yang menjadi garis panduan kepada pengurusan universiti termasuk Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Naib Canselor memainkan peranan memperkasakan universiti masing-masing.

Penggubalan PPPM (PT) adalah kesinambungan daripada PPPM 2013-2025 dan dibangunkan secara inklusif serta

komprehensif dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan membabitkan 10,500 individu termasuk 100 pemegang taruh, 30 pakar serta penasihat tempatan juga antarabangsa dalam pelbagai bidang.

Bagi membangunkan pelajar secara holistik, KPT turut memperkenalkan sistem penilaian Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) dan lima UA, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dipilih menjadi institusi rintis, September lalu.

Sebagai permulaan, hanya satu fakulti dari setiap universiti terpilih yang mula menggunakan sistem iCGPA membabitkan 300 pelajar baharu.

Prihatin terhadap kos sara hidup yang meningkat untuk pelajar Malaysia di luar negara akibat kejatuhan nilai ringgit, KPT menerusi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) memperkenalkan Dasar Pindah Kredit bagi memberi peluang kepada pelajar menyambung baki pengajian masing-masing di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan di negara ini.

Dasar itu diperkenalkan selepas KPT menerima banyak pertanyaan daripada ibu bapa yang menyuarakan hasrat untuk menempatkan anak masing-masing di IPT tempatan berikutan kos pengajian yang semakin meningkat.

Pengurangan peruntukan Bajet 2016 daripada RM15.785 bilion kepada RM13.378 bilion untuk sektor pendidikan tinggi pula menjadi cabaran besar UA untuk menyelaras strategi bagi berdikari, sekali gus menjana pendapatan sendiri.

Bagaimanapun, langkah itu dijalankan bukan hanya untuk penyesuaian terhadap keadaan ekonomi yang tidak stabil ini, tetapi juga untuk masa depan UA yang lebih mapan dengan mengurangkan ketergantungan kepada kerajaan menerusi pelbagai usaha perajaan kekayaan menggunakan kepakaran masing-masing.

Justeru, Idris mengesyorkan semua UA menyediakan 30 peratus peruntukan bagi menampung perbelanjaan penyelidikan masing-masing menjelang 2020, manakala 70 peratus lagi akan dibantu oleh kerajaan. Bagi mencapai sasaran itu, KPT memberi lebih ruang kepada UA menerusi status autonomi yang diberikan dan setakat ini 13 daripada 20 UA sudah memperolehnya membolehkan masing-masing melon-



Idris pada program jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi *Soaring Upwards* di Kota Bharu, baru-baru ini.

jakan daya saing, prestasi akademik serta modal insan.

UMP adalah UA ke-13 menerima status autonomi merangkumi empat bidang utama, iaitu tadbir urus institusi, tadbir urus kewangan, tadbir urus sumber manusia dan tadbir urus akademik.

Dua belas UA yang menerima status autonomi, iaitu Universiti Malaya (UM), UKM, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), UiTM, UMT dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, (UTEM).

Pencapaian UA membanggakan

Pencapaian UA pada peringkat global turut membanggakan tahun ini apabila UM berada dalam senarai 150 universiti teratas dunia dengan menduduki tempat ke-146 dalam Penarafan Universiti Dunia QS. Lima universiti tempatan menduduki tempat 100 universiti terbaik di Asia, dengan UM di tangga ke-29 dan USM di tangga ke-59.

Dalam penarafan berdasarkan subjek, USM berada di tangga ke-31 dunia dalam bidang Sains Alam Sekitar, manakala UM di tangga ke-32 dalam Pengajian Pembangunan, manakala UA lain turut mempunyai sekurang-kurangnya satu subjek atau fakulti dalam kelompok 100 terbaik dunia, contohnya UTM berada dalam kelompok 100 teratas dunia bagi fakulti kejuruteraan dan teknologi.

Lebih membanggakan apabila bulan lalu, Executive Director Of The Centre For World-Class Universities, Dr Ying Cheng menyatakan bahawa universiti Malaysia mempunyai penyelidik berpengaruh, menerbitkan beribu-ribu penerbitan yang diindekskan oleh *Thompson Reuters Web Of Science*.

Thompson Reuters pula mengiktiraf 14 penyelidik Malaysia di kedudukan satu peratus mercu tertinggi bagi penerbitan artikel berpengaruh di dunia, iaitu artikel paling kerap digunakan sebagai rujukan oleh penyelidik di seluruh dunia.

SOROTAN

2015



BASIR ZAHROM

basir_zahrom@bh.com.my



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiarkan sehingga 31 Disember 2015.

穿新衣

Chuān xīnyī

Memakai baju baru

Untuk maklumat berkenaan kursus sila hubungi:
Tel : 603 - 61511662
Faks : 603 - 61435166
Laman Web : www.hccm.com.my
E-mel : info@hccm.com.my

SIRI 359

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video



1300 22 67